

Bekerjasama laksana aktiviti penyelidikan

► FSSA UMS meterai LoI bersama CIFOR Indonesia

UB 21.11.2018

A4

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani surat hasrat (LoI) bersama Pusat Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa (CIFOR) Indonesia.

Dekan FSSA Prof Dr Baba Musta berkata, LoI yang dimeterai itu akan menguatkan lagi kerjasama dalam pelbagai

bidang berkaitan sains perhutanan, pendidikan dan kerjasama penyelidikan.

"Menerusi LoI ini, kedua-dua pihak berhasrat untuk bekerjasama dalam membangunkan aktiviti penyelidikan bersama, mencari pembiayaan penyelidikan untuk membiayai penyelidikan kolaboratif, pembangunan, latihan dan perkongsian maklumat untuk bidang kepentingan bersama," katanya pada majlis menandatangani LoI yang berlangsung di sini.

Beliau berkata, kerjasama penyelidikan itu juga merangkumi isu perubahan landskap luar bandar dan penghijrahan serta sumbangan hutan dalam penyesuaian iklim.

Selain itu katanya, kerjasama itu akan merangkumi penyelidikan mengenai pengurusan hutan, perhutanan sosial, kebakaran serta jerebu. Ia juga melibatkan penyelidikan mengenai perkhidmatan alam sekitar hutan dan pengurusan hutan lestari.

Baba berharap LoI itu dapat dikembangkan kepada memorandum persefahaman (MoU) atau memorandum perjanjian (MoA) dalam masa terdekat.

"Kejayaan ini nanti akan membawa faedah bersama di antara kedua-dua pihak. Saya turut dimaklumkan bahawa pelajar kami pada masa ini turut terlibat dengan projek CIFOR-SASOF (Kerja Perhutanan Sosial Sabah) mengenai perubahan politik, perubahan iklim dan kesannya



BABA (duduk, tengah) merakamkan gambar kenangan bersama tetamu lain pada majlis itu.

terhadap penduduk tempatan di Sabah," katanya.

Upacara menandatangani dokumen LoI itu turut disaksikan oleh para peserta Bengkel Kajian Sosial Fasa 2 yang dianjurkan oleh CIFOR-SASOF dengan kerjasama FSSA yang terdiri daripada pelbagai organisasi di bawah SASOF seperti Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Pacos, FSSA dan JOAS.

PROF DR BABA MUSTA

Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)

"Menerusi LoI ini, kedua-dua pihak berhasrat untuk bekerjasama dalam membangunkan aktiviti penyelidikan bersama, mencari pembiayaan penyelidikan untuk membiayai penyelidikan kolaboratif, pembangunan, latihan dan perkongsian maklumat untuk bidang kepentingan bersama."